

## KENYATAAN MEDIA

Tarikh: 7 November 2012

Ruj: CBMR-5-FRI-14-CSM-ACE-V1

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### CSM-ACE 2012 ANUGERAH, PERSIDANGAN & PAMERAN KESELAMATAN ICT YANG TERUNGGUL DI MALAYSIA

(KUALA LUMPUR) - CyberSecurity Malaysia, pusat kepakaran keselamatan siber negara yang juga merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini menganjurkan Anugerah, Persidangan dan Pameran Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE 2012) dengan tema 'Risiko & Pematuhan Keselamatan Maklumat bagi Transformasi Ekonomi'. Acara terunggul negara dalam bidang keselamatan ICT ini diadakan dari 6hb hingga 7hb November 2012, di hotel Double Tree by Hilton Kuala Lumpur. CSM-ACE 2012 diadakan sempena Forum Inovasi Sedunia Kuala Lumpur atau *World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIFKL)* 2012.

CSM-ACE 2012 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pematuhan mandatori piawaian keselamatan maklumat serta menyediakan platform yang strategik bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan mendapatkan maklumat mengenai piawaian keselamatan maklumat. Tahun ini, acara CSM-ACE merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Negara di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan peluang pemandanan perniagaan; iaitu langkah pembangunan yang diterajui oleh PEMANDU, sebuah unit di bawah Jabatan Perdana Menteri.

"CSM-ACE 2012 pada tahun ini bertujuan untuk mengukuhkan prasarana asas yang telah kami bina sebelum ini. Kami berusaha untuk menyatukan pakar-pakar keselamatan siber untuk mereka berkongsi pengalaman, idea-idea inovatif dan untuk menangani isu-isu keselamatan siber dan cabaran hari esok." kata Jeneral

**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)



T +603 8946 0999  
F +603 8946 0888  
H +61 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 8, Block A  
Mines Waterfront Business Park  
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)



Securing Our Cyberspace

Tan Sri Dato Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara), Pengurus CyberSecurity Malaysia.

Objektif utama CSM-ACE adalah untuk memupuk budaya kesedaran keselamatan siber yang teguh terutama di kalangan pengguna ICT, khususnya dalam sektor Prasarana Maklumat Kritikal Negara (CNII). Ini adalah untuk mendidik dan mengukuhkan semangat Malaysia berdikari dari segi teknologi, standard dan pematuhan.

Jeneral Tan Sri Azumi (Bersara) menambah, "tema acara ini amat signifikan kerana ia memberi penekanan terhadap peranan penting yang dimainkan oleh kerajaan Malaysia dalam meletakkan keselamatan siber sebagai salah satu sektor pertumbuhan utama dalam Program Transformasi Ekonomi, di mana ICT memainkan peranan penting dalam pembangunan negara terutama dalam sektor CNII."

CSM-ACE 2012 dibahagikan kepada tiga (3) trek persidangan iaitu Tadbir Urus, Standard & Pematuhan; Teknikal; dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan. Bagi Trek ke-3: Pengurusan Kesinambungan Perniagaan, CyberSecurity Malaysia bekerjasama dengan HeiTech Managed Services.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Zahri Hj. Yunos, "ruang siber adalah kritikal bagi menjamin keselamatan negara dan kemakmuran ekonomi Malaysia. Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menujuhkan satu rangka kerja strategik sebagai penggerak ke arah ekonomi digital baru dengan mewujudkan sebuah eko-sistem digital yang boleh meningkatkan pendapatan, produktiviti dan menaikkan taraf hidup rakyat Malaysia."

"CSM-ACE 2012 mendalamai kedua-dua perspektif nasional dan global bagi dasar keselamatan siber negara dengan tujuan untuk membangunkan tadbir urus yang lebih mantap dan mekanisme pematuhan. Dengan itu, kita akan berupaya mewujudkan ruang siber yang lebih selamat untuk membolehkan komunikasi, kerjasama dan perdagangan bagi memakmurkan negara-negara yang terbabit", tambah Zahri.



CyberSecurity Malaysia  
(726630-U)

Corporate Office  
Level 8, Block A  
Mines Waterfront Business Park  
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)



Securing Our Cyberspace

Kira-kira 50 penceramah profesional dan pakar dalam bidang keselamatan ICT dengan lebih daripada 300 delegasi dari dalam dan luar negara menghadiri acara dua hari itu.

Acara kemuncak CSM-ACE 2012 adalah penyampaian Anugerah Keselamatan Siber Malaysia bagi mengiktiraf profesional keselamatan maklumat yang berbakat tinggi, SME tempatan dan organisasi global untuk sumbangan cemerlang mereka dalam bidang keselamatan ICT. Penganugerahan dijangka akan menggalakkan lagi inovasi, komitmen, dan memupuk pakatan strategik dalam industri keselamatan dan ICT Itempatan.

Satu lagi komponen CSM-ACE 2012 adalah pameran keselamatan ICT. Pameran ini mempromosikan produk dan penyelesaian (solutions) keselamatan ICT yang dibangunkan di dalam dan di luar negara. Satu ruang pameran khusus dibina untuk mengetengahkan produk ICT yang inovatif dan telah memperolehi pensijilan Common Criteria (ISO 15408). Pensijilan Common Criteria membuktikan bahawa produk tersebut mematuhi piawaian ISO15408 yang diiktiraf di peringkat global dan keperluan jaminan yang dikeluarkan melalui Skim Penilaian & Pensijilan Common Criteria Malaysia (MyCC).

Untuk maklumat lanjut tentang acara CSM-ACE, sila layari [www.csm-ace.my](http://www.csm-ace.my).

~ Tamat ~

*Issued by the Corporate Branding & Media Relations Department of CyberSecurity Malaysia  
For media inquiry or more information about this document, please contact Mohd Shamil bin  
Mohd Yusoff or Sandra binti Isnaji via this email address: [media\[at\]cybersecurity.my](mailto:media[at]cybersecurity.my)*

---

**CyberSecurity Malaysia** is the national cyber security specialist centre under the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For more information, visit us at [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my) or like us at [www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia)



Securing Our Cyberspace



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)



T +603 8946 0999  
F +603 8946 0888  
H +61 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 8, Block A  
Mines Waterfront Business Park  
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)